



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PENTADBIRAN KEPADA PERSATUAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR TAHUN 2022**

**PUTRAJAYA, 30 OGOS 2022:** Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meneruskan komitmen dengan Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur Tahun 2022 yang berjumlah RM318,000.

YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan menyampaikan Bantuan Pentadbiran kepada 80 persatuan sukan iaitu 48 persatuan sukan di Kuala Lumpur dan 32 persatuan sukan di Putrajaya dengan setiap persatuan menerima di antara RM3,000 hingga RM8,000.

Pada 20 Ogos 2022 lalu, Menteri Wilayah Persekutuan telah pun menyampaikan Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Di Labuan berjumlah RM88,000 kepada 24 persatuan sukan.

Dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur Tahun 2022 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan hari ini, Shahidan memberi peringatan untuk setiap persatuan sukan untuk kekal komited dalam melaksanakan program pembangunan sukan bagi melahirkan lebih ramai atlet berkelas dunia.

“Untuk melahirkan lebih ramai juara dunia, persatuan sukan diminta untuk kekal komited dalam melahirkan sebanyak mungkin bakat yang ada bagi mengharumkan nama negara dan mengetepikan segala isu politik dalaman bagi memberi tumpuan kepada objektif utama pembangunan sukan itu,” katanya di sini hari ini.

Dalam majlis yang sama, Shahidan turut menyampaikan Bantuan Awal Institut Pengajian Tinggi oleh Yayasan Wilayah Persekutuan kepada 18 atlet Wilayah Persekutuan yang sudah mendapat tawaran melanjutkan penganjuran ke peringkat lebih tinggi dengan jumlah bantuan berjumlah RM12,000.

Menerusi program WiPers ACE (*Athlete, Career & Education*) juga, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) pada hari ini turut memberi tawaran terbuka kepada atlet Wilayah Persekutuan untuk mengikuti pengajian di UCMI dengan tawaran biasiswa penuh kepada pelajar atau atlet dari kategori keluarga asnaf, fakir miskin dan mualaf serta Bantuan Am Pendidikan kepada pelajar atau atlet dari kategori keluarga B40.

*Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).*

TAMAT